

BAHAGIAN B

Jawapan ini hanya cadangan, sebarang jawapan lain diterima

1. Remaja hari ini berdepan dengan pelbagai tekanan dalam usaha memenuhi keinginan ibu bapa dan guru untuk menjadi pelajar yang cemerlang. Tekanan yang dihadapi telah menyebabkan ada segelintir remaja yang mengambil tindakan yang tidak sesuai.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk menangani tekanan.

- Melibatkan diri dalam aktiviti sukan / riadah.
- Berjumpa kaunselor sekiranya berdepan dengan masalah.
- Menghadiri majlis-majlis keagamaan.
- Melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan –gotong-royong dan sebagainya.
- Berkongsi masalah yang dihadapi bersama ahli keluarga / rakan sebaya.

2. Banyak pendapat mengatakan bahawa masalah sosial dalam kalangan remaja berkaitan dengan keruntuhan institusi keluarga.

Jelaskan peranan keluarga dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja pada masa ini.

- Merapatkan hubungan kekeluargaan – melancong – aktiviti dilakukan bersama.
- Memulih hubungan kekeluargaan akibat perbalahan – elak perceraian.
- Berkongsi maklumat dan pandangan tentang sesuatu isu / saling menghormati / saling menghargai pandangan orang lain.
- Merancang aktiviti yang berfaedah bersama-sama dapat halang anak-anak terjebak dalam perkara negatif / kurang kes salah laku.
- Menjadi suri teladan / amal nilai murni / budi bahasa

3. Industri pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi negara. Anda ingin menulis rencana yang menyentuh peranan yang perlu dimainkan oleh pelbagai pihak untuk memajukan industri pelancongan.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

- Kerajaan - mengadakan kempen melancong Malaysia - Tahun Melawat Malaysia.
- Kerajaan - mempopularkan seni warisan.
- Kerajaan - menyediakan kemudahan pengangkutan / infrastruktur yang sesuai

- Swasta – menyediakan penginapan yang selesa dengan harga yang berpatutan.
- Swasta – menyediakan pakej pelancongan yang menarik.
- Masyarakat – menunjukkan sikap ramah /berbudi bahasa.

4. Penganjuran sukan bertaraf dunia seperti perlumbaan kereta 'Formula 1', perlawanan bola sepak 'Piala AFC' dan perlumbaan basikal 'Le Tour de Langkawi' wajar diteruskan kerana banyak faedah yang diperoleh melalui penganjurannya.

Nyatakan faedah-faedah penganjuran sukan bertaraf dunia.

- Peluang kerjaya dalam bidang yang berkaitan
- Melahirkan masyarakat dunia yang bersatu padu /kukuh persahabatan / perpaduan pelbagai bangsa.
- Hubungan diplomatik dapat ditingkatkan.
- Membantu meningkatkan kualiti dan prestasi ahli sukan tempatan.
- Membantu memajukan industri pelancongan Negara.
- Meningkatkan imej Negara.

5. Peribahasa 'bukit sama didaki, lurah sama dituruni' menggambarkan bahawa semangat hidup bermasyarakat penting dalam kehidupan seharian.

Bincangkan manfaat semangat tersebut kepada masyarakat.

- Dapat mengelakkan permusuhan / persengketaan / huru hara dalam kalangan masyarakat.
- Melahirkan masyarakat yang bersatu padu.
- Menjayakan gagasan 1Malaysia.
- Membolehkan sesuatu kerja dilaksanakan dengan lebih cepat dan mudah.
- Melahirkan masyarakat penyayang / bekerjasama.

Skema Rumusan: (30 markah)

Pendahuluan:

Petikan membincangkan punca-punca/sebab-sebab pencemaran air di Malaysia/ di negara kita.

Markah

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

- | | | |
|------|--|---|
| S1. | Pencemaran air yang paling besar berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan. | 2 |
| S2. | Pembukaan dan penerokaan tanah yang tidak terkawal | 2 |
| S3. | Aktiviti pembalakan yang berleluasa telah menyebabkan hakisan tanah dan keladak disalurkan terus ke sungai. | 2 |
| S4. | Aktiviti pertanian sama ada berskala kecil atau besar . | 2 |
| S5. | Penggunaan racun serangga dan baja kimia dalam bidang pertanian. | 2 |
| S6. | Najis haiwan daripada aktiviti penternakan yang dilepaskan ke dalam sungai . | 2 |
| S7. | Sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dan membuang sampah-sarap ke dalam sungai atau tasik juga menjadi masalah. | 2 |
| S8. | Pusat pelupusan sampah yang tidak diuruskan dengan sempurna. | 2 |
| S9. | pengaliran dan pembuangan sisa perindustrian. | 2 |
| S10. | Aktiviti menuba ikan untuk mengaut keuntungan. | 2 |

Isi tersirat : [4 hingga 12 markah]

(Kesan-kesan pencemaran air kepada manusia)

- | | | |
|-----|--|---|
| T1. | menyebabkan kekurangan sumber makanan berasaskan protein. | 2 |
| T2. | menjejaskan sumber pendapatan nelayan. | 2 |
| T3. | menyebabkan penyakit bawaan air. | 2 |
| T4. | aktiviti sukan air tidak dapat dijalankan. | 2 |
| T5. | aktiviti pertanian dan penternakan terjejas. | 2 |
| T6. | meningkatkan kos penyelenggaraan dan pemuliharaan air (baik pulih air/ rawatan air ; beli penapis dan lain-lain). | 2 |
| * | Terima mana-mana jawapan yang sesuai merujuk kepada pilihan jawapan T1-T6 | |

Kesimpulan : (2 markah)

Kesimpulannya, semua pihak perlu bertanggungjawab menjaga kebersihan air/kualiti air agar kehidupan lebih sejahtera.

Skema Soalan pemahaman.

2(a) – Pemahaman petikan

- i) Maksud rangkai kata tersebut
- | | |
|----------------------|------------|
| tindakan sambil lewa | [2 markah] |
| sikap sambil lewa | [1 markah] |
| tindakan mudah | [1 markah] |
- ii) Sumber air tawar itu diperolehi daripada.....
- | | |
|---------------------------|-------------|
| sumber air di bawah tanah | [1 markah] |
| air hujan | [1 markah] |
| sungai dan tasik | [1 markah] |
| | [3 markah] |
- iii) Cara-cara yang boleh dilakukan untuk menyedarkan masyarakat tentang peri pentingnya menjaga sumber air ialah.....
- | | |
|--|------------|
| P1 melalui kempen/hebahan/iklan yang dijalankan oleh pihak kerajaan/media massa | [1 markah] |
| P2 menerapkan penjagaan alam sekitar dalam mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan. | [1 markah] |
| P3 melaksanakan aktiviti dalam persatuan/ kelab di sekolah | [1 markah] |
| P4 peranan ibu bapa mendidik anak-anak agar menghargai sumber air | [1 markah] |
| P5 melalui proses pembelajaran dan pengajaran guru di dalam bilik darjah | [1 markah] |
| | [4 markah] |
- Terima mana-mana jawapan yang sesuai.

Skema jawapan Pemahaman 2(b)- Petikan cerpen

- i) Berdasarkan petikan cerpen di atas, berikan gambaran keadaan sungai Ceper ketika Itu.
- memancutkan airnya begitu deras bagaikan anak panah yang baru saja lepas dari busurnya [1 markah]
 - pancutan itu menebuk tebing hingga mencipta lubang yang dalam-dalam [1 markah]
 - menyusur dasar bersama ikan-ikan yang bercahaya matanya, bersama anak-anak dan bapa-bapa udang [1 markah]
 - bersama lumut yang lembut kehijau-hijauan dan bercahaya seperti manik-manik dipanah cahaya lampu. [1 markah]

[maksimum : 2 markah]

- ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang anak boleh membalas jasa kedua-dua ibu bapanya?

- Belajar bersungguh-sungguh [1 markah]
- Sentiasa pulang menziarahi ibu bapa [1 markah]
- Memberikan wang / hadiah kepada ibu bapa [1 markah]
- Membawa mereka melancong / umrah [1 markah]
- Mendoakan kesejahteraan mereka [1 markah]

[maksimum: 3 markah]

- iii) Huraikan satu perwatakan ibu yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan satu lagi perwatakan ibu yang terdapat dalam keseluruhan karya.

Dalam petikan...

- seorang yang gigih - ibu yang tidak pernah tidak bermaya itu
- seorang yang rajin - ibu ada-ada saja kerjanya

Keseluruhan cerpen....

- seorang yang bertanggungjawab – ibu menggalas tugas bapa menyara keluarga
 - seorang yang sabar – ibu bersabar dengan sikap suaminya yang suka menghabiskan masa memikat burung sehinggalah bencana memusnahkan padinya
- pernyataan - 1 markah
huraian - 1 markah
(isi dalam petikan tidak diterima dalam keseluruhan petikan dan sebaliknya)

[maksimum 4 markah]

Skema jawapan petikan petikan prosa klasik 2(c)

i. Berikan maksud rangkai kata *Sebaik mendengar khabar itu*.

- Setelah mendapat berita [2 markah]
- Setelah mendengar berita [1 markah]
- Sebaik mendapat berita [1 markah]

[maksimum 2 markah]

ii. Berdasarkan petikan, apakah reaksi Raja Ahmad apabila diberitahu tentang kematian Merah Gajah yang dibunuh oleh Raja Muhammad?

- Raja Ahmad menghempaskan dirinya [1 markah]
- mengoyak-ngoyak baju [1 markah]
- mencarik-carik kainnya [1 markah]
- Raja Ahmad pun terlalu marah [1 markah]
- Dengan serta-merta baginda menghimpunkan segala askar lengkap dengan segala senjatanya. [1 markah]

[maksimum 3 markah]

iii. Pada pendapat anda, wajarkah tindakan Raja Muhammad membunuh Merah Gajah?

Wajar

- Merah Gajah membunuh anaknya [1 markah]
- Menuntut keadilan kepada anaknya [1 markah]
- Memberi pengajaran kepada orang lain supaya tidak bertindak seperti Merah Gajah [1 markah]

Tidak wajar

- Merah Gajah bukan berniat membunuh Puteri Betong [1 markah]
- Merah Gajah menantunya [1 markah]
- Tindakan Raja Muhammad sangat zalim dan terburu-buru [markah]

[Maksimum :3 markah]

2(d) - Skema jawapan pemahaman puisi

- i. Berikan maksud rangkap ketiga sajak di atas.
- Penduduk di negara maju seperti Australia dan penduduk negara miskin seperti Afrika tetap sama kerana mereka hidup dalam dunia yang sama.
- [2 markah]

- ii. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang timbul jika masyarakat tidak bersatu padu?

- Negara akan kucar-kacir [1 markah]
- Ekonomi negara terencat [1 markah]
- Imej negara tercemar [1 markah]
- Masyarakat akan terancam [1 markah]

[maksimum 3 markah]

- iii. Nyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas.

- Masyarakat dunia hendaklah bersatu padu tanpa mengira keturunan dan asal usul [1 markah]
- Masyarakat perlu menghindari perasaan benci-membenci bagi mewujudkan keharmonian [1 markah]
- Kita hendaklah saling menyayangi kerana setiap manusia adalah sama [1 markah]
- Kita hendaklah sentiasa mengamalkan perpaduan sejagat walaupun semua negara mempunyai sempadan [1 markah]
- Masyarakat perlu menerima hakikat bahawa semua manusia adalah sama walaupun berbeza warna kulit, keturunan dan agama [1 markah]

[maksimum 4 markah]

Soalan 3(a):

(i) **lukis**

- lakar

(ii) **melukis**

- membuat gambar, peta, dsb (dengan menggunakan pensel, pensel warna, cat air, cat minyak, dsb).

- merupakan dengan gambar, menggambarkan.

(iii) **melukiskan**

- membayangkan, menampakan, (contoh: bibirnya ~ senyuman).

- menceritakan (mengisahkan) hal sesuatu, membentangkan (contoh: *rencana itu ~ penderitaan yang dialami oleh rakyat*).

(iv) **terlukis**

- terbayang, tergambar (contoh: *~ dalam kepalanya kesibukan kota London itu*).

- teriwayat, terceritakan.

(v) **lukisan**

- hasil melukis, gambar(an) : (contoh: *~ cat minyak*).

- keterangan (cerita, huraian, dll) yang menggambarkan sesuatu hal.

(vi) **pelukisan**

- perihal melukiskan (contoh: 1. *pengarang sastera sejarah mengisahkan ~ peristiwa-peristiwa yang disaksikannya sendiri*, 2. *cara ~ watak dan peristiwa dalam novel ini lurus dan tidak mengarah kepada simbolisme*).

[6 markah]

Soalan 3(b):

“Kau nampak tak apa yang aku nampak?” tanya Sarah kepada Lisa.

“Aku nampak dua orang bertopeng cuba masuk ke rumah jiran kita,” jawab Lisa.

“Baik kita telefon pihak polis segera,” kata Sarah.

“Betullah, biar aku telefon, tapi aku kena pergi jauh sikit, takut mereka dengar nanti,” jelas Lisa.

“Cepat sikit, nanti terlepas pula pencuri tu,” gesa Sarah.

“Yalah, kau tu perhatikan mereka dengan teliti ya,” pesan Lisa lagi.

Berikan markah secara ‘impresion’:

Cemerlang	-	5 - 6 markah
Baik	-	3 - 4 markah
Sederhana	-	1 - 2 markah

[6 markah]

Soalan 3(c):

(i)	memperuntukan	-	memperuntukkan
	anti-dadah	-	antidadah
(ii)	essei	-	esei
	meningkat	-	meningkatkan
(iii)	atlit	-	atlet
	bertanding	-	dipertandingkan

[6 markah]

Soalan 3(d):

- | | | | |
|-------|--------------------|---|--------------------------|
| (i) | semua murid-murid | - | semua murid/ murid-murid |
| | menceburi | - | menyertai |
| (ii) | Nasi Arab Restoran | - | Restoran Nasi Arab |
| | peminat | - | pelanggan |
| (iii) | menggembirakan | - | menggalakkan |
| | oleh | - | daripada |

[6 markah]

Soalan 3(e):

- (i) ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- (ii) alang-alang berminyak biar licin/alang-alang berdakwat, biarlah sampai hitam
- (iii) mencurahkan air ke daun keladi

[6 markah]

Skema Jawapan Novel.

- a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, terdapat persoalan ketabahan menghadapi dugaan dalam kehidupan.

Jelaskan dua peristiwa yang dapat dikaitkan dengan persoalan tersebut. (7 markah)

- i) Novel Renyah

PERISTIWA	HURAIAN/PERNYATAAN
Datuk Dolhi menghadapi situasi ditempelak oleh peserta kursus dengan tenang.	Datuk Dolhi tabah menghadapi tekanan dan tempelak daripada seorang peserta kursus yang dikendalikannya.
Datuk Dolhi memenuhi janjinya kepada Datin Tominah untuk pergi menonton pertunjukan fesyen Muslimah.	Datuk Dolhi tabah memenuhi rutin hidupnya yang penuh dengan kesibukan sebagai seorang usahawan berjaya dan tugas sebagai ketua keluarga.
-Peristiwa Hasnol ditangkap kerana rasuah -Dani terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah -Mukhlis terlibat dalam kegiatan dakwah songsang -Ilham melakukan demonstrasi menentang kerja-kerja pembalakan	Ketabahan Datuk Dolhi menghadapi kerenah anak-anaknya.
Perkahwinan Datuk Dolhi dengan Mastura secara rahsia sehingga memperoleh seorang anak(Wahi).	Ketabahan menerima tindak balas daripada isteri setelah rahsia perkahwinan rahsia terbongkar.
Datuk Dolhi membantu dan memantau anak-anaknya apabila mereka terlibat dalam kegiatan tidak bermoral/ tidak sihat.	Ketabahan seorang bapa untuk membantu anak-anak kembali ke pangkal jalan.

- ii) Novel Sutera dalam Lukisan

PERISTIWA	HURAIAN/PERNYATAAN
Ketabahan menjalani kehidupan sebatang kara setelah kematian ibu bapa.	Bujei tetap tabah menjalani kehidupan sebegitu selama bertahun-tahun. Dia tidak mencuri atau melakukan perkara yang menyalahi norma masyarakat dalam usaha memenuhi tuntutan hidupnya.
Bujei dibuli oleh Alias	Bujei begitu tabah semasa berhadapan dengan Alias yang suka membulinya. Bujei tidak melawan walaupun sering disepak terajang oleh Alias.
Bujei dianiayai oleh bapa tirinya, Harun.	Bujei menahan kesakitan akibat ditumbuk oleh bapa tirinya. Dia tidak melawan tindakan bapa tirinya.
Bujei difitnah sebagai seorang yang kurang siuman dan berpenyakit kulit yang berjangkit oleh Alias.	Bujei tetap tabah menghadapi fitnah tersebut dan dia berusaha untuk mengubah tanggapan buruk orang kampung terhadapnya.

- b) Berdasarkan **dua** buah **novel** yang anda **pelajari**, terdapat pelbagai latar **masyarakat** yang dipaparkan oleh pengarang.
Huraikan latar masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

i) Novel Renyah

LATAR MASYARAKAT	KETERANGAN
Masyarakat korporat yang berjaya	Datuk Dolhi merupakan salah seorang tokoh korporat yang berjaya sehingga berjaya menubuhkan Dolhi-Albert Holdings.
Masyarakat berbilang kaum	Terdapat golongan Cina, Melayu dan India yang menjadi rakan-rakan Datuk Dolhi.
Masyarakat yang mengamalkan kegiatan tidak sihat – rasuah/penyalahgunaan dadah	Hasnol dan Dani terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat iaitu Hasnol terlibat dalam rasuah dan Dani terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
Masyarakat yang suka menuntut ilmu	Datuk Dolhi suka menghabiskan masa dengan membaca buku bagi menambahkan ilmu pengetahuan.
Masyarakat yang berfikiran jauh	Wahi dihantar ke Jepun oleh Datuk Dolhi untuk mempelajari cara-cara orang Jepun bekerja dan mengurus syarikat.
Masyarakat yang bertanggungjawab	Datuk Dolhi menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ayah terhadap Wahi yang merupakan anaknya dengan isteri keduanya.

ii) Novel Sutera Dalam Lukisan

GOLONGAN MASYARAKAT	KETERANGAN
Masyarakat yang hidup berdikari	Bujei hidup berdikari setelah kematian kedua-dua ibu bapa dan neneknya.
Masyarakat yang hidup bantu-membantu / tolong menolong	Orang kampung selalu bantu-membantu antara satu sama lain dalam segala urusan di kampung itu, contohnya semasa majlis kenduri di rumah Sidang Saman.
Masyarakat yang prihatin	Adila sangat prihatin terhadap Bujei dan dia berusaha membantu Bujei melakukan perubahan dalam hidup.
Masyarakat yang berani mempertahankan hak	Bujei sanggup melawan Alias yang selama ini amat ditakutinya semata-mata mempertahankan haknya apabila radio miliknya dirosakkan oleh Alias.
Masyarakat yang berpendidikan tinggi	Adila merupakan seorang graduan universiti luar negara.
Masyarakat yang bertanggungjawab	Sidang Saman menjalankan tanggungjawabnya sebagai ketua kampung dengan memastikan anak-anak buahnya/ penduduk kampung berada dalam keadaan aman dan sejahtera. Contoh: mengambil tahu akan keadaan Bujei.

- Terima mana-mana jawapan yang sesuai